



SIARAN MEDIA

KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (KM) PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) HARMONI MADANI BESTARI JAYA BAKAL MEMBERI MANFAAT KEPADA 245 KELUARGA PEKERJA LADANG UNTUK MILIKI KEDIAMAN

PUTRAJAYA, 30 Oktober 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyaksikan **Majlis Penyerahan Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Bagi Projek Program Residensi Rakyat (PRR) Harmoni Madani Bestari Jaya, Tanjung Karang, Selangor** di Bangunan KPKT hari ini.

Penyerahan kelulusan KM ini adalah daripada YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) kepada YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sebagai agensi pelaksana.

Projek ini telah menerima kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan dijangka mula dibina pada awal tahun 2025 serta dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2026.

Kerajaan Malaysia MADANI melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah bersetuju dengan **cadangan pembangunan projek ini yang dianggarkan berjumlah RM75 juta melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM40 juta dan Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM35 juta**. Ia dibangunkan di atas tanah berkeluasan 20 ekar yang diberikan secara percuma oleh Syarikat Berjaya Corporation Berhad (BCB).

PRR Harmoni Madani Bestari Jaya ini merupakan kediaman jenis teres satu (1) **tingkat** dalam kategori jualan terus (*outright sale*) dan mempunyai **245 unit buah rumah** yang dilengkapi dengan kemudahan seperti tadika, taska, kedai, gerai, dewan komuniti dan taman permainan kanak-kanak. Rumah ini bakal didiami oleh **245 keluarga pekerja ladang daripada lima (5) buah ladang** iaitu Ladang Mary, Ladang Nigel Garder, Ladang Bukit Tagar, Ladang Sungai Tinggi dan Ladang Minyak.

PRR telah dijenamakan semula daripada nama asalnya Program Perumahan Rakyat (PPR). Ia mempunyai keluasan lantai kasar minimum yang ditetapkan iaitu 750 kaki persegi dengan harga jualan adalah RM60,000 seunit. **Harga jualan baharu RM60,000 seunit adalah bermula pada tahun 2026/ 2027 selepas projek baharu siap.**

Peningkatan harga jualan PRR sebanyak RM15,000 daripada ketetapan dasar penjualan rumah PPR sedia ada iaitu RM45,000 bertujuan untuk menampung kos penyelenggaraan dan elemen penambahbaikan.

PRR menampilkan enam (6) elemen penambahbaikan iaitu; penambahbaikan umum, kawasan, blok kediaman, reka bentuk unit rumah, spesifikasi unit rumah dan penambahbaikan lain seperti pelaksanaan *QLASSIC* dan *Certified Green Building Index* (GBI) atau setaraf.

Selain penambahbaikan, terdapat juga pindaan pada Perjanjian Jual Beli (PJB) seperti berikut:

- Moratorium selama 10 tahun dalam sekatan kepentingan hak milik individu mulai daripada tarikh PJB;
- Penjualan PRR sebelum/selepas tempoh moratorium perlu merujuk kepada Kerajaan;
- Kerajaan berhak membeli semula PRR (*right of first refusal*) dengan pembeli membayar subsidi kos pembinaan dan kadar keuntungan harga jualan; dan
- Mengikat penerima pindah milik dalam keadaan pembeli meninggal dunia atau sebagainya berdasarkan pertimbangan Kerajaan.

Selain itu, perumahan sosial di kawasan bandar dijadikan transit sahaja tanpa peserta kekal selamanya di perumahan berkenaan. Manakala, pembangunan PRR di kawasan pinggir bandar termasuk luar bandar boleh dipertimbangkan bagi tujuan pemilikan.

Pelaksanaan projek PRR Harmoni MADANI Bestari Jaya ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Malaysia MADANI dalam memastikan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan perumahan yang kondusif dan berdaya huni kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Turut hadir pada sesi penyerahan ini adalah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan); YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); dan YBhg. Datuk Abdul Rahim bin Mohd Zin, Pengarah Eksekutif Berjaya Land Berhad.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@pkt.gov.my

